



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld.3 (II)

Tarikh : 12 Mac 2024

SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

HARGA INDIKATIF JABATAN/ ANGGARAN JABATAN BAGI PEROLEHAN SECARA KAEDAH SEBUT HARGA

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dato' Sri / Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' / YH Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan, pihak Kementerian Kewangan (MOF) dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 perkara 7 dengan jelas menyatakan bahawa agensi hendaklah menyediakan Harga Indikatif Jabatan bagi setiap perolehan dan memasukkannya ke dalam dokumen pelawaan. Harga Indikatif Jabatan hendaklah berdasarkan harga pasaran semasa, realistik dan terkini dan agensi hendaklah menyediakan Anggaran Jabatan bagi setiap sebut harga/tender dan memasukkannya ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup tawaran.

3. Pentadbiran ini mengambil maklum perkara berbangkit berhubung tiada butiran harga indikatif dalam arahan kepada penyebut harga pada lampiran yang disertakan dalam PK 2.9 Sebut Harga. Namun begitu butiran harga indikatif ada dimasukkan dalam lampiran arahan kepada petender seperti di PK 2.2 Tender.

4. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini memberi kebenaran kepada semua jabatan yang terlibat dalam perolehan secara sebut harga untuk membuat tambahan butiran Harga Indikatif Jabatan dalam arahan kepada penyebut harga di dalam dokumen pelawaan sebut harga. Jabatan boleh merujuk kepada butiran harga indikatif jabatan dalam PK 2.2 Tender sebagai panduan.

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 3 (11)
Tarikh : 12 Mac 2024

5. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' INBERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**